

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah PETRONAS bercadang mempergiat Vendor Development Programme (VDP) untuk melatih dan melahirkan vendor Bumiputera yang berdaya saing serta dapat mengurangkan pergantungan ke atas barangan import.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Pembangunan Usahawan (VDP) telah dilaksanakan mulai 1994. Objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan usahawan Bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya saing dalam sektor pembuatan serta perkhidmatan teknikal di bidang teknologi sederhana dan tinggi yang berkaitan dengan minyak dan gas.

Sehingga kini, 79 syarikat Bumiputera telah mengikuti program tersebut. Sebanyak 58 syarikat telah digraduasikan dan kebanyakan syarikat-syarikat tersebut masih aktif membekalkan perkhidmatan kepada PETRONAS malah beberapa syarikat seperti Serba Dinamik Sdn Bhd, Tekno Logam Sdn Bhd, Salutary Avenue Manufacturing Services Sdn Bhd serta 15 lagi syarikat telah mengembangkan aktiviti mereka ke peringkat antarabangsa. Pada masa ini, masih terdapat 11 syarikat di bawah program VDP, termasuk 3 lantikan baru dalam tahun 2013. Sejak penubuhan VDP, nilai kontrak sebanyak RM7.6 bilion telah dianugerahkan kepada usahawan di bawah program VDP.

Di antara kejayaan Vendor Development Program tersebut ialah:

- 54% daripada usahawan vendor tersebut merupakan perintis di dalam bidang yang diceburi, menggantikan produk atau perkhidmatan yang sebelumnya dikuasai syarikat/jenama asing;

- 98% dari usahawan yang telah dibangunkan masih aktif di dalam industri dan telah berjaya meluaskan produk dan pasarannya; dan
- 18 vendor telah berjaya ke peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Program terkini pula memberikan fokus kepada bidang kerja yang berasaskan import supaya ianya boleh diambil alih dan dikendalikan oleh syarikat-syarikat bumiputera.

Selain VDP, PETRONAS juga melaksanakan agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera melalui program-program strategik yang melangkaui bidang keusahawanan termasuk penghasilan modal insan dalam bidang minyak dan gas. Dalam tahun 2012, sebanyak 4,286 syarikat tempatan dan 160 syarikat asing telah berurusan dengan PETRONAS dalam pembekalan produk dan perkhidmatan dengan jumlah nilai kontrak melebihi RM70 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM52.4 bilion ataupun 75% telah dianugerahkan kepada syarikat yang mempunyai majoriti Bumiputera.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 8 APRIL 2014

RUJUKAN : 6604

SOALAN:

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah terdapat usaha oleh pihak Kementerian khususnya Unit Khas Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara di dalam memperbaiki sistem permohonan kad pengenalan agar penduduk di pedalaman Baram dimaklumkan mengenai status permohonan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah meningkatkan sistem penyampaiannya kepada penduduk pedalaman di negeri Sarawak dengan pengwujudan Unit Khas Bergerak (UKB) pada tahun 2004. Pada tahun 2009, dua (2) unit pasukan UKB telah ditempatkan di daerah Miri yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk pedalaman di sekitarnya termasuk penduduk di kawasan Baram.

Bagi permohonan kad pengenalan yang diterima melalui UKB, JPN sentiasa mempermudah urusan permohonan dengan membantu pemohon untuk mengisi borang permohonan, menyediakan perkhidmatan fotostat dokumen sokongan, mengambil foto secara percuma dan mengecualikan bayaran fi kepada pemohon yang tidak berkemampuan.

Seterusnya, permohonan kad pengenalan yang telah lengkap akan diterima dan diproses berdasarkan kepada kelayakan pemohon. Dalam hal ini, keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui kaedah-kaedah berikut:

- i. surat keputusan permohonan dihantar kepada pemohon dengan kerjasama Pejabat Residen dan Daerah melalui pemimpin masyarakat yang terlibat;**

- ii. melalui operasi UKB seterusnya yang diadakan di kawasan berkenaan;**
- iii. melalui operasi UKB dengan tujuan penyerahan dokumen kepada pemohon; dan**
- iv. menghantar kad pengenalan siap ke pejabat JPN yang berdekatan dengan tempat tinggal pemohon.**

Sehingga kini, perkhidmatan UKB telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pemohon dan berjaya membantu penduduk di kawasan pendalaman mendapatkan dokumen pengenalan diri. Perkhidmatan ini juga dapat mengatasi masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri di kalangan penduduk negeri Sarawak.